

20 JUN 2001

VENTURE 2001-MAHATHIR

DR MAHATHIR DIJADUAL SAMPAIKAN HADIAH PERTANDINGAN VENTURE 2001

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual akan menyampaikan hadiah bagi 10 pelan perniagaan yang dipilih sebagai terbaik oleh panel hakim dalam pertandingan venture 2001 yang akan diadakan di Hotel Istana di sini pada 28 Jun.

Perdana Menteri adalah penaung pertandingan yang telah menarik sejumlah 447 pelan perniagaan dalam sektor teknologi maklumat, internet dan e-niaga, demikian menurut satu kenyataan di sini hari ini.

Pertandingan tiga peringkat itu bermula pada 7 Nov tahun lepas dan berakhir pada 25 Mei 2001.

Menurut kenyataan itu, tiga pemegang tertinggi akan menerima hadiah wang tunai RM30,000, RM20,000 dan RM10,000 setiap satu manakala baki tujuh pemegang akan menerima RM5,000 setiap satu.

Pelan perniagaan yang diterima termasuk berbagai bentuk ide tentang perkhidmatan talian terus, perisian, perkakasan, gerbang, perkhidmatan teknologi maklumat, e-pasaran (rumusan dan aplikasi e-niaga), e-runcit, e-didik, aplikasi wayarles dan liburan.

Para hakim di pertandingan itu adalah pemodal teroka antarabangsa dan tempatan termasuk BI Walden, General Atlantic Partners, Softbank, 3i, MSC Venture, Mayban Ventures dan techpacific.com.

Venture 2001 dianjurkan bersama oleh MESDAQ Bhd, McKinsey & Company, Malaysia, dan Institut Pengurusan Malaysia. -- BERNAMA

MKO KTC JR